



**PERBADANAN ASET KERETAPI
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

KENYATAAN TENDER

TARIKH: 15 JULAI 2025

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :

TAJUK PROJEK	SYARAT KELAYAKAN	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL & MUAT TURUN
NO. TENDER: RAC.K-A/04/25 CADANGAN MENYIAPKAN KERJA- KERJA PENGALIHAN DAN PENYAMBUNGAN SEMULA SISTEM PERSEMBOYANAN DAN KOMUNIKASI SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI STESEN KERETAPI CHEGAR PERAH, PAHANG	Status: Bumiputera Gred: G4 Pengkhususan Wajib: B04 - Kerja-kerja pembinaan bangunan; atau CE21 - Pembinaan kejuruteraan awam. Keutamaan: E13 - Sistem telekomunikasi perkhidmatan rel; dan E14 - Kabel rangkaian komputer. Nota: Kebenaran khas dibenarkan untuk pengkhususan bidang kerja yang telah ditetapkan	Harga Dokumen: RM100.00 (Tidak akan dikembalikan) Perbankan Atas Talian ke atas nama Perbadanan Aset Keretapi	<u>Tarikh Jualan Dokumen:</u> 23 Julai 2025 (Rabu) – 30 Julai 2025 (Rabu) <u>Tarikh Muat Turun Dokumen:</u> 29 Julai 2025 (Selasa) – 14 Ogos 2025 (Khamis) <u>Catatan:</u> Dokumen akan diberi melalui storan dalam talian (<i>Cloud</i>). Pautan muat turun Dokumen dan kata laluan akan diberikan setelah Petender mengemukakan slip bukti transaksi bayaran.

SESI TAKLIMAT TENDER dan LAWATAN TAPAK adalah DIWAJIBKAN sepertimana ketetapan berikut:

Tarikh : **23 Julai 2025 (Rabu)**

Masa : **10.00 pagi**

Tempat : **Stesen Keretapi Chegar Perah, Pahang**

Hanya petender yang telah memenuhi syarat ditetapkan adalah layak untuk menyertai sesi taklimat dan lawatan tapak.

Bagi sesi taklimat dan lawatan tapak, **hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak. Kontraktor **TIDAK BOLEH** mewakili individu selain daripada penama dalam PPK dan SPKK. Sila bawa bersama Sijil **ASAL** Pendaftaran **PPK, SPKK** dan **STB** beserta satu **SALINAN** sijil-sijil tersebut dan **cap syarikat**.

Hanya petender yang telah menghadiri Taklimat/ Lawatan Tapak Tender boleh membuat pembayaran secara atas talian dalam tempoh penjualan yang telah ditetapkan. Slip bayaran perlu dikemukakan melalui emel kepada perolehan@rac.gov.my dan disalinkan kepada finance@rac.gov.my sebagai bukti pembayaran.

**TARIKH TUTUP TENDER:
19 Ogos 2025 (Selasa)
pukul 12:00 tengah hari**

Sebarang kelewatan dalam penghantaran dokumen tender tidak akan diterima. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Tender di penjuru kiri sebelah atas sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat :-

Ketua Pegawai Eksekutif,
Perbadanan Aset Keretapi,
27-1, Sentral RAC,
No.16 Jalan Tun Sambanthan,
Brickfields,
50470, Kuala Lumpur.